

28/02/1997

Jambatan hubungi Selatan Thailand

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia dan Thailand bercadang membina 'Jambatan Darat' yang menghubungkan beberapa lokasi di antara Pulau Pinang, Kedah dan Selatan Thailand, bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Cadangan itu dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh, dalam pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Malaysia menyarankan jambatan itu menghubungkan Utara Pulau Pinang, Selatan Kedah dan Selatan Songkhla, manakala Thailand pula mencadangkan jambatan berkenaan dibina di Wilayah Patani.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir dan Chavalit mahu satu bentuk penyelarasan dilakukan bagi meneliti kedua-dua cadangan itu supaya kedua-dua negara mendapat faedah.

"Kedua-dua pemimpin berkenaan bersetuju untuk membina jambatan itu menerusi pendekatan pembangunan bersama.

"Mereka juga bersetuju supaya jambatan itu akan menempatkan tiga kemudahan iaitu jalan raya, rel keretapi dan saluran paip gas," katanya kepada pemberita selepas pertemuan di antara Dr Mahathir dan Chavalit.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thai, Saroj Chavanviraj.

Selain itu, Dr Mahathir dan Chavalit mahu hubungan perdagangan dua hala ditingkatkan.

Justeru, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin itu bersetuju untuk menubuhkan Majlis Bersama Mengenai Perdagangan dan Majlis Perniagaan Bersama bagi mengukuhkan hubungan dagangan dua hala.

"Mereka juga bersetuju supaya Majlis Ekonomi Bersama digerakkan semula bagi mencapai tujuan itu," katanya.

Dr Mahathir dan Chavalit juga mahu pendekatan pembangunan bersama dilaksanakan khususnya menggerakkan lebih banyak akitivi di sempadan.

Mengenai permintaan Thailand supaya Malaysia mengurangkan kadar harga gas asli ketika ini, Abdullah berkata kerajaan bersetuju berbincang dengan Petronas mengenai perkara itu.

Bagi kemasukan barangan menerusi pengangkutan darat di antara negara-negara jiran membabitkan Singapura, Malaysia, Thailand, Laos dan Kemboja, Abdullah berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk melihat peraturan yang sedia ada bagi memudahkan aliran berkenaan.

(END)